

# UMSKAL raih tempat ketiga Liga Futsal IPT Borneo 2017

UB 3.6.2017 A15  
**LABUAN:** Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) menduduki tempat ketiga Liga Futsal Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) Borneo 2017.

Pasukan itu turut membawa pulang dua Anugerah Khas yang masing-masing dimenangi Mohd Akmal Mohd Zaki selaku Penjaring Terbanyak dengan 7 jaringan dan Anugerah Pemain Paling Bernilai diraih Mohd Saufi Suhrani.

Dengan kejayaan itu, pasukan UMSKAL bimbingan Mohd Nazri Mohd Ibrahim dan Jasri Japar menerima hadiah RM200.

Hadiah juara sebanyak RM500 dimenangi Universiti Teknologi Mara Sarawak (UiTM Sarawak) manakala



**DR Murnizam (tengah) bersama pemain futsal UMSKAL yang menduduki tempat ketiga Liga Futsal IPT Borneo 2017.**



**MOHD Nazri Mohd Ibrahim (berdiri kiri) dan Jasri Japar (berdiri dua kiri) bersama pemain UMSKAL yang menduduki tempat ketiga Liga Futsal IPT Borneo 2017.**

naib juara diraih Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) RM300.

Kejohanan itu diadakan

di Indoor Futsal Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) pada 19-21 Mei 2017.

Selain UMSKAL, Liga

Futsal itu disertai Universiti Malaysia Sarawak (Unimas), Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu (UPMKB),

Universiti Teknologi Mara Sarawak (UiTM Sarawak), Politeknik Sarawak dan I-System College Sarawak.



**KETIGA-TIGA pasukan yang menduduki tempat pertama, kedua dan ketiga bergambar kenangan selepas majlis penyampaian hadiah.**



**MOHD Akmal (kiri) dan Mohd Saufi menerima hadiah berupa jersi selepas masing-masing meraih Anugerah Khas Penjaring Terbanyak dan Anugerah Pemain Paling Bernilai.**

**JUARA:** Pasukan Ralba FC dari PDM Ranglau, Kiulu muncul juara selepas menewaskan Legend FC

2-0 dalam Kejohanan Bola Sepak 9 Sebelah PDM Pukak sempena Pesta Kaamatan baru-baru ini.

Tempat ketiga dimenangi oleh Taling Tarada FC dan keempat Kelawat FC. Pertandingan anjuran

Komulakan Upko PDM Pukak yang menawarkan hadiah berjumlah RM2,000 menyaksikan penyertaan

20 pasukan dari sekitar Kiulu. Pengerusi penganjur Zeno Daukim yang juga Ketua Komulakan Pusat Daerah Mengundi (PDM) Pukak berkata anjuran tersebut sebagai pengisian bulan Kaamatan dan cuti sekolah di samping mengeratkan hubungan

kebeliaan antara PDM. Beliau turut mengucapkan terima kasih kepada Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Seri Wilfred Madius Tangau yang juga pemangku presiden Upko atas sokongan beliau dalam aktiviti pergerakan komulakan Tuaran, amnya.

